



Carilah Rezeki Yang Halal Dan Amalkan Sebab-Sebab Dimurahkan Rezeki

(Bahagian Pertama)

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Setiap individu memerlukan nafkah hidup bagi menyambung kehidupan seharian. Mencari nafkah adalah dituntut oleh Islam agar kita dapat meneruskan ibadat kepada Allah *Subhanahu wa Ta'ala*. Untuk mendapatkan nafkah yang halal hendaklah dengan pekerjaan yang dihalalkan atau diharuskan. Berusaha mencari yang halal itu merupakan suatu yang diwajibkan oleh syara' sebagaimana tersebut dalam sebuah hadits Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam*:

()

Maksudnya: “Mencari yang halal adalah wajib atas setiap muslim.”

(Hadits riwayat ad-Dailami)

Terdapat banyak ayat al-Qur'an yang memerintahkan manusia supaya memakan rezeki yang halal dan baik, antaranya:

Allah *Ta'ala* telah berfirman:

يَأْتِيهَا النَّاسُ كُلُّوْا مِمَّا فِي الْأَرْضِ حَلَالًا طَيِّبًا وَلَا تَتَّبِعُوا خُطُوَاتِ الشَّيْطَانِ إِنَّهُ لَكُمْ عَدُوٌّ مُّبِينٌ

(168 :)

Tafsirnya: *“Wahai manusia! Makanlah sebahagian dari makanan yang ada di bumi ini, yang halal dan baik, dan janganlah kamu turuti jejak langkah syaitan, sesungguhnya syaitan itu adalah musuh kamu yang nyata.”*

(Surah al-Baqarah: 168)

Firman-Nya lagi:

وَكُلُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ حَلَالًا طَيِّبًا وَاتَّقُوا اللَّهَ الَّذِي أَنْتُمْ بِهِ مُؤْمِنُونَ

(88 :)

Tafsirnya: *“Dan makanlah dari rezeki yang diberi Allah kepada kamu, iaitu yang halal lagi baik, dan bertaqwalah kepada Allah yang kepadanya sahaja kamu beriman.”*

(Surah al-Mâidah: 88)

Dengan memakan yang halal itu akan menambahkan cahaya pada hati serta melembutkannya. Selain itu, ia akan menimbulkan kegentaran dan kekhusu'an terhadap kebesaran Allah *Ta'ala*, mencergaskan seluruh anggota badan untuk beribadat dan melakukan ketaatan, mengurangkan kecenderungan hati kepada dunia dan menambah ingatan terhadap hari akhirat. Semua sifat-sifat tersebut akan menjadi sebab utama diterima amal saleh dan terkabulnya doa. Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* pernah berkata kepada Sa'ad bin Abi Waqqash *Radhiallahu 'anh*u:

Maksudnya: *“Pilihlah makanan yang halal, nescaya doamu dikabulkan.”*

Zaman sekarang tidak dinafikan manusia berlumba-lumba mencari rezeki untuk menampung kehidupan. Pelbagai usaha diatur untuk mendapatkannya, malah sebilangan orang ada yang berani melampaui batas-batas syara' dalam mencari rezeki daripada pekerjaan yang haram seperti mencuri, menipu, mengamalkan rasuah, memakan riba dan berjudi.

Risiko orang yang memakan harta yang diperoleh dengan cara yang haram telah diberi peringatan oleh Rasulullah *Shallallahu 'alaihi wasallam* sepertimana disebutkan dalam beberapa hadits Baginda, antaranya Baginda bersabda:

()

Maksudnya: *“Tidak akan memasuki syurga daging yang tumbuh daripada yang haram.”*

(Hadits riwayat al-Imam Ahmad)

Sabda Baginda lagi:

()

Maksudnya: *“Setiap daging yang tumbuh daripada yang haram, maka api neraka lebih utama menerimanya.”*

(Hadits riwayat at-Thabrani)

Sabda Baginda lagi:

()

Maksudnya: *“Barangsiapa yang mengumpul harta daripada jalan yang tidak halal, kelak apabila dia bersedekah dengan harta tersebut tidak akan diterima sedekahnya, dan jika dia membelanjakannya tidak akan diberkati perbelanjaannya dan jika ditinggalkannya sebagai harta pesaka, akan menjadilah harta itu sebagai kayu api yang kekal membakarnya di dalam neraka.”*

(Hadits riwayat al-Imam Ahmad)

Ibnu al-Mubarak *Rahimahullahu Ta'ala* berkata: “Menolak satu dirham yang ada syubhah adalah lebih dicintai Allah Subhanahu Wa Ta'ala daripada bersedekah dengan seratus ribu dirham, kemudian ditambah lagi dengan seratus ribu yang lain, seratus ribu yang lain, hingga ia kira enam ratus ribu dirham.”

Sebab-sebab dimurahkan rezeki

Ada di antara kita yang merasa gelisah kerana tidak mendapat rezeki yang mencukupi untuk keperluan hidup walhal dia telah berusaha dengan bersungguh-sungguh. Perlulah diingat bahawa Allah *Subhanahu wa Ta'ala* yang menganugerahkan rezeki kepada mereka yang dikehendaki-Nya. Firman Allah *Ta'ala*:

اللَّهُ لَطِيفٌ بِعِبَادِهِ ۖ يَرْزُقُ مَنْ يَشَاءُ ۖ وَهُوَ الْقَوِيُّ الْعَزِيزُ

(19 :)

Tafsirnya: “Allah Maha Lembut tadbirNya (serta melimpah-
limpah kebaikan dan belas kasihanNya) kepada hamba-
hambaNya; Dia memberi rezeki kepada sesiapa yang
dikehendakiNya (menurut peraturan yang telah ditetapkan), dan
Dialah Yang Maha Kuat, lagi Maha Kuasa.”

(Surah asy-Syura: 19)

Kita perlu sedar juga bahawa cukup atau tidak rezeki yang kita terima itu bukanlah diukur dengan kuantitinya semata-mata, tetapi yang penting ialah keberkatannya. Tanpa keberkatan ini rezeki yang banyak sekalipun manusia tidak akan merasa cukup dan puas. Dalam Islam terdapat beberapa sebab yang boleh mendatangkan rezeki yang luas jika kita mengamalkannya. Di antara sebab-sebab itu adalah seperti berikut:-

1) Bertakwa Kepada Allah *Subhanahu Wa Ta'ala*

Bertakwa kepada Allah *Ta'ala* itu ialah dengan mentaati segala perintahNya, dan meninggalkan apa yang dilarangnya. Orang yang tidak mentaati Allah *Subhanahu wa Ta'ala* iaitu mengingkari suruhan dan larangannya, bererti orang itu tidaklah tergolong daripada orang-orang yang bertakwa.

Bagi orang-orang yang bertakwa ini, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* menjanjikan kepada mereka limpahan rezeki, malah Allah *Subhanahu wa Ta'ala* mengurniakan kepada mereka jalan keluar daripada segala kesusahan. Ini jelas seperti Firman Allah *Ta'ala*:

وَمَنْ يَتَّقِ اللَّهَ يَجْعَلْ لَهُ مَخْرَجًا ۖ وَيَرْزُقْهُ مِنْ حَيْثُ لَا يَحْتَسِبُ

(3-2 :)

Tafsirnya: “Dan sesiapa yang bertakwa kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan larangannya), nescaya Allah akan mengadakan baginya jalan keluar (dari segala perkara yang menyusahkan), (2) Serta memberinya rezeki dari jalan yang tidak terlintas di hatinya.”

(Surah ath-Thalaq: 2-3)

Ayat di atas menerangkan bahawa sesiapa yang bertakwa kepada Allah *Ta'ala* dengan mengerjakan perintahNya dan meninggalkan larangannya, maka Allah jadikan urusannya ada jalan keluar dan rezeki yang tidak terlintas di hatinya.

Dalam ayat yang lain, Allah *Subhanahu wa Ta'ala* telah melimpahkan keberkatanNya dari langit dan bumi kepada orang-orang yang beriman dan bertakwa sepertimana firmanNya:

وَلَوْ أَنَّ أَهْلَ الْقُرَىٰ ءَامَنُوا وَأَتَّقَوْا لَفَتَحْنَا عَلَيْهِم بَرَكَاتٍ مِّنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ وَلَٰكِن كَذَّبُوا فَأَخَذْنَاهُم بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

(ك :)

Tafsirnya: “*Dan (Tuhan berfirman lagi): Sekiranya penduduk negeri itu, beriman serta bertakwa, tentulah Kami akan membuka kepada mereka (pintu pengurniaan) yang melimpah-limpah berkatnya, dari langit dan bumi. Tetapi mereka mendustakan (Rasul Kami), lalu Kami timpakan mereka dengan azab seksa disebabkan apa yang mereka telah usahakan.*”

(Surah al-A‘raf: 96)

Ayat di atas menerangkan tentang sebuah penduduk negeri yang tidak beriman apabila diutuskan kepada mereka seorang Rasul. mereka telah dijanjikan oleh Allah *Ta‘ala* keberkatan rezeki kepada mereka dari langit dan bumi dari sumber hujan dan tumbuh-tumbuhan jika mereka beriman dengan kedatangan Rasul itu, mempercayainya, mengikutinya dan bertakwa dengan membuat ketaatan dan meninggalkan perkara yang haram. Akan tetapi, mereka telah mendustakan Rasul itu maka Allah *Ta‘ala* menimpakan kepada mereka kebinasaan disebabkan keengganan mereka untuk beriman, bertaqwa dan perlakuan dosa serta perkara haram yang mereka telah lakukan.

Maka jelaslah bertakwa kepada Allah *Ta‘ala* adalah di antara penyebab diperluaskan rezeki.

bersambung